

# Bersama menentang keganasan ekonomi

UM 4 AUG 2002

LANGKAWI 3 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara membangun perlu bertindak dan mempunyai pendirian bersama sekiranya mahu menentang keganasan ekonomi.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, sebelum bertindak, mereka perlu memahami masalah tersebut dengan jelas dan mendalam.

Beliau menyatakan demikian kepada wartawan ketika ditanya apakah cara paling praktikal untuk menangani keganasan ekonomi supaya ia tidak menjejaskan ekonomi negara-negara miskin dan membangun.

Isu keganasan ekonomi ini ditimbulkan oleh Dr. Mahathir semasa membuka Dailog Perkongsian Pintar Global 2002 di sini malam Khamis lalu.

Antara lain dalam ucapan utamanya, Perdana Menteri yang juga penasihat dialog perkongsian pintar berkata, keganasan ekonomi jika dibiarkan akan menyebabkan negara-negara membangun 'dijajah semula' dalam bentuk baru.

Bila ini berlaku, kata beliau, ekonomi dan masa depan negara itu juga akan terjejas.

Negara yang diserang keganasan ekonomi akan

hilang kemerdekaan yang dikecapinya sebelum ini.

Dr. Mahathir turut memberitahu sidang akhbar pada hari terakh-

ir Global 2002 di sini bahawa beliau hanya membangkitkan soal tersebut dan tidak menjangka ia mendapat reaksi dan sokongan segera dari negara-negara lain.

Bagaimanapun beliau yakin, isu keganasan ekonomi akan mendapat perhatian daripada pemimpin-pemimpin yang ada.